



SUDIRMAN

yang ku kenali

0092
AO

Saadah Ismail



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

SUDIRMAN

yang ku kenali





WANTS YOU TO BE HAPPY.

'86

Salah satu nota yang dihantar Sudirman kepada penulis

Kuas local

YAB Tun Dr. Mahatir
Mohamad,

Selamat membaca...

SUDIRMAN

yang ku kenali



1/3/2019

PUSTAKA PERDANA



1012118

Saadah Ismail
Kuala Lumpur 2019



Penghargaan

Saya menulis buku ini bukan hanya untuk berkongsi cerita dan pengalaman peribadi bahkan mahu anak saya, Mukhriz juga mempunyai impian dan inspirasi dari insan hebat seperti Sudirman. Saya mahu dia kenal siapa sebenarnya lelaki di sebalik lagu Balik Kampung yang dia sering nyanyi, setiap kali kami pulang beraya. Kerana *heroes come and go but legends are forever*.

Penghibur legenda ini seharusnya menjadi inspirasi kepada kita bahawa tidak ada yang mustahil jika ada kesungguhan dan cita-cita yang tinggi.

Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, akhirnya buku ini dapat dipersembahkan untuk tatapan anda rakan rakan pembaca budiman. Sudirman Yang Ku Kenali adalah catatan pengalaman peribadi saya bersama penghibur tersohor ini selama saya menjadi wartawan hiburan - bermula dari Majalah Penghibur dan kemudiannya ke Berita Harian dan Harian Metro.

Saya mendedikasikan buku ini buat insan-insan yang saya kasihi yang telah kembali ke alam abadi namun sentiasa menjadi sumber kekuatan saya selamanya - ibu-bapa saya, pakwo dan makwo serta kakak saya Rohani. Moga roh mereka sentiasa dicucuri rahmat llahi. Al fatihah.

Kepada bonda tiri saya, Hajah Zaharah Bujang dan juga seluruh warga *Clan* Haji Ismail, terima kasih atas kasih sayang dan sokongan buat saya dan keluarga sehingga terhasilnya buku ini.

Kepada penyelidik saya, Alya Danisha Zairul Nazim, yang tekun menyiapkan kerja-kerja yang diberi, ribuan terima kasih atas kerjasama yang tidak berbelah bagi. Semoga buku ini juga dapat dijadikan sumber inspirasi dalam mencapai bintang-bintang di langit tinggi.

Kepada rakan-rakan yang sudi berkongsi cerita dalam menyusuri jalan kenangan bersama Sudirman dalam buku ini, tiada kata-kata yang dapat saya ungkapkan selain jutaan terima kasih dan moga Tuhan balas segala kebaikan. Sekalung budi jadi kenangan buat Habsah Hassan, Dharanne Dharan Kannan, Norisah Sulaiman, Dr Syed Iskandar Syed Jaafar dan Intan Zabidin.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada mantan bos besar saya, Datuk Ahmad Nazri Abdullah dan semua rakan-rakan seperjuangan, wartawan dan jurufoto sepanjang 15 tahun saya bekerja di akhbar Berita Harian dan Harian Metro.

Tidak lupa juga Tokoh Wartawan Negara, Allahyarham Pak Samad Ismail, Sasterawan Negara, Datuk Samad Said, Encik Ayob Datuk Ismail, Puan Adibah Amin, Puan Zaharah Nawawi dan Puan Salmah Mohsin atas jasa dan tunjuk ajar mereka kepada saya.

Juga kepada anak-anak buah Meja Hiburan akhbar Berita Harian yang saya kasihi - maafkan segala kekurangan dan kelemahan saya jika saya bukan bos yang baik. Khairana Sabtu, Zyan Adnan, Hardi Effendi Yaacob dan jurufoto Yahya Zain, Marko,

Penghargaan

Asraf dan ramai lagi yang sentiasa dalam hati dan ingatan dan menjadi sumber inspirasi saya. Terima kasih kerana memberikan memori yang indah dan terbaik untuk saya kenang selama menjadi Pengarang Hiburan Berita Harian.

Seperti saya sering sebutkan, buku ini tidak mudah untuk saya hasilkan. Saya hampir mahu melupakan saja menulisnya kerana saya bimbang tidak dapat menulis dengan sempurna kerana tidak mempunyai keyakinan diri, setelah sekian lama. Jujurnya, saya merasakan tidak cukup kuat untuk menulis buku ini, apa lagi subjeknya adalah seorang tokoh besar dalam industri seni negara.

Namun, semua itu berubah dan insan yang memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ini, tentulah suami saya yang kerana desakan dan galakannya memberikan saya keyakinan dan kekuatan bahawa saya mampu menghasilkan buku ini.

Semangatnya yang tinggi dengan keyakinan dan kasih sayang yang tidak berbelah bagi adalah tiang kekuatan saya untuk menulis dan akhirnya menyudahi naskhah ini.

Kepada semua, selamat membaca dan selamat melalui terowong masa silam saya bersama anak seni dari desa yang membuktikan tiada yang mustahil untuk menjadi bintang yang besar. Semoga catatan dari buku ini dapat dijadikan inspirasi buat kita semua....

Al-fatimah buat Sudirman Haji Arshad, semoga rohnya bersama para syuhada di syurga firdausi...Amin

Saadah Ismail
2 Februari 2019

Cetakan Pertama 2019
© Khutubkata 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Khutub Kata Resources, No. 33, Jalan BM 5/15, Seksyen 5, Bandar Bukit Mahkota, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Khutubkata Resources
No.33 Jalan BM 5/15 Seksyen 5
Bandar Bukit Mahkota
43000 Kajang

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Khutubkata, 2019
Sudirman Yang Ku Kenali
ISBN 978-967-15382-4-1

Dicetak oleh

Future Design Studio [002857635-U]
A-G-1, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan

Kandungan



SAODAH ISMAIL

Sudirman Haji Arshad...	1
Kami ada <i>chemistry</i> itu...	2
Malam Bintang RTM 1976	6
Kita orang hiburan	12
Chow Kit Road	24
Konsert gergasi bersejarah	32
Pencinta agung	36
Menghiris luka di hatiku	43
Sakit misteri	45
Kali pertama dia marah	49
Penghibur Terbaik Asia 19 Mac 1989	55
Dadah...?	57
Sudirman meninggal sakit apa...?	59

NORISAH SULAIMAN

Pertama kali diperkenalkan dengan Sudirman	67
Pada awalnya, Sudir lebih banyak berurusan dengan Waharp.	67
Skop kerja	68
Banyak kali juga Chah kena tegur dengan Sudir	68
Seorang yang sangat teliti, terperinci, <i>perfectionist</i>	69
Jadi driver...	70
Sudir kuat merajuk	70
Sudir dan wartawan	72
Sangat teliti orangnya	73
Kenangan yang paling indah	74

Tak boleh lupa cara dia ketawa	76
<i>Backup singer</i> lagu Peny. Menangis.	76
Pernah kena marah dengan Sudir	76
Bila dia sakit, tak dapat jumpa	80
Bagi Chah, Sudirman ni macam mana?	81

HABSAH HASSAN 83

Kenalkan selepas jadi Juara Bintang RTM	85
Ceritanya sangat dalam...	86
Penulis skrip persembahan TV dan <i>dinner show</i> Sudir.	86
Kisah sedih di sebalik Merisik Khabar...	88
Hasrat hasilkan filem bersama...	89
Terasing dan Merisik Khabar lagu <i>favourite</i> Sudir	90
Kenangan terindah Kak Chah	93
Lain dari yang lain	93
<i>He wants to be, The Best</i>	94
Tiada siapa yang boleh jadi macam dia	94

INTAN ZABIDIN 97

Peminat setia sejak di kampung	99
Aku dah pergi rumah dia tau!	99
Telefon tanya mak dulu	100
Jadi <i>PA</i> Sudir	102
Tiga kali berdering, dia tau itu saya telefon	103
Seorang Abang, seorang pelindung	104
Kenangan paling manis - berkongsi kek raya, separuh saya, separuh dia	104
Dia ajar saya jadi berani	105

RAMLAN MD ISA 109

Sudir meninggal, saya darjah 2	110
Kumpul bahan ketika remaja	111
Dia legenda, tak ada lagi macam dia	112
Buat grup <i>Whatsapp</i> Sudirman	113
Saya akan teruskan Kelab Peminat Sudirman	115
Sedih dan kecewa jasa Sudirman tidak dikenang	116
Lagu Sudirman melampaui zaman	117
Hafal semua tarikh penting	119

DANIEL DHARANEE 121

Kita bertuah ada P. Ramlee dan Sudirman	122
Mereka takkan berkelip mata tengok <i>show</i> saya!	123
Pujuk Ketua Polis Kuala Lumpur untuk <i>show</i> Chow Kit Road	124
Pantang orang kata tak boleh	125
Kisah sedih sebelum London	127
Dia pun mula bercerita.	127
Rahsia sedih di sebalik Royal Albert	129
Tuhan sayangkan dia lebih	134
Impian besarnya untuk bakat tempatan	135
Dia memang dilahirkan untuk berada di pentas	137

DR SYED ISKANDAR 139

Konsert Honda, pengalaman pertama	140
Kassim Masdor tolong Sudirman	143
Mana ada artis lain buat macam itu?	145

*Saya mencuri-curi
kononnya mahu ke
tandas dan terus lari ke
dapur, sempat melihat
aksi peserta dari
Pahang...*

Saadah Ismail



SUDIRMAN HAJI ARSHAD...

SUDAH lama saya mahu menulis buku ini. Tapi sentiasa tertangguh, kerana rasanya agak sukar menulis tentang orang baik yang kita kenal. Kita mahu tulis yang terbaik, tidak mahu satupun tertinggal, sebagai satu kenangan yang abadi, sementelahan pula dia sudah tiada.

Bukan mudah untuk *recap* semula segala peristiwa untuk disimpulkan dalam sebuah buku. Kerana semuanya adalah kenangan yang hanya bermain dalam visual ingatan, dalam usia yang semakin menginjak senja. Semuanya kenangan yang mengusik di jiwa.

Sungguh, menulis buku ini tidaklah mudah. Dia seorang legenda. Banyak cabaran dan ujian pada diri saya. Ia bukan semudah menulis komen untuk menggasak seseorang di *Facebook*! Tidak, tidak semudah itu.

Sesukar mana pun, saya gagahi juga menulis buku ini. Ia satu cabaran yang agak besar buat saya. Dan bila mana buku ini sudah ada di tangan saudara saudara, maka itu adalah dengan izinNya kerana saya sentiasa berdoa agar Allah mempermudah saya menghasilkan buku ini dengan sebaik mungkin.

Sebetulnya, selama ini, ramai bertanya mengapa saya tidak menulis buku Sudirman. Begitu juga bila ditemubual wartawan setiap kali mereka membicarakan mengenai ketokohan Sudirman pada hampir setiap tahun, buku juga yang mereka tanyakan.

Pernah dua kali berlaku ketika membeli belah di pasaraya, gadis di kaunter bayaran, tiba tiba merenung saya lalu bertanya, "Akak ni wartawan Oda tu ke? Yang baik dengan Sudirman tu kan?"

Dan ketika saya membuat urusan di sebuah bank, pegawai yang menyemak permohonan, meminta kad pengenalan saya. Lalu setelah melihat nama beliau memandang saya, sambil bertanya, "Puan, maaf tanya. Puan ni ke wartawan yang baik dengan Sudirman tu? Saya selalu baca tulisan Puan dan saya harap Puan tulis buku pasal Sudirman."

Dan sebelum saya keluar, beliau menegur lagi, "Jangan lupa ya Puan, buku.. buku!"

Paling "tragis" bila saya ditegur di dalam tandas sebuah pusat membeli belah oleh seorang wanita yang menenangkan anak remajanya. Sambil berdiri di sisi saya yang sedang membetulkan tudung, beliau terus menyapa, "Minta maaf Puan, Puan ni wartawan Oda tu kan? Puan ni yang watak dalam Pengantin Popular tu?"



BIASANYA saya sekadar senyum. Atau sekadar menjawab yang semua itu masa muda saya, sekarang saya ini sudah pencen! Tapi kebiasaan soalan yang akan menyusul adalah, mereka kata mereka sangat meminati Sudirman dan mereka harap dapat membaca buku tentang artis pujaan mereka itu suatu hari kelak.

Saya tidak nafikan komen komen spontan sebegitu menggembirakan dan menyerikan hari saya. Kerana yang jelas ia bukan komen mengampu, tapi luahan spontan yang ikhlas. Saya sangat bersyukur kerana sekurang-kurangnya pengalaman selama 15 tahun bekerja sebagai wartawan memberi kesan dan diingati dengan baik. Ia memberikan kesan yang positif dan saya sangat menghargainya.

Kepada semua yang bertanya, jawapan saya ketika itu, saya katakan, jika diizinkan Allah, suatu hari nanti. Doakan.

Dan inilah harinya. Saya mahu berkongsi pengalaman, kenangan dan perasaan saya terhadap seniman berjiwa besar ini yang saya ibaratkan sebagai sebutir berlian yang dihadirkan dalam dunia ini untuk menyinari alam maya; semasa hayatnya dan selepas pemergiannya.

KAMI ADA *CHEMISTRY* ITU...

Bukan semua wartawan boleh *klik* dengan artis. Atau *vice versa*, bukan semua artis boleh klik atau ngam dengan wartawan hiburan. Dan menjadi wartawan hiburan kita akan bertemu pelbagai watak. Rencam manusia begitu, bukan semua sama, ibarat kata pepatah, rambut sama hitam tapi hati lain lain.

Ada ramai artis yang saya senangi. Ia datang dengan sendiri. Bukan kerana mereka beri hadiah atau bunga, bukan. Tetapi bukan semua pemberian itu ada niat di sebaliknya, ada juga yang ikhlas memberi hadiah sebagai tanda penghargaan. Bunga, kek, minyak wangi dan beg tangan itu biasa saja.

Tapi hubungan baik yang saya maksudkan adalah hubungan yang boleh *klik*, atau orang kata yang ada *chemistry*, yang kita rasa dalam hati. *It just happened and you can feel it*. Saya bersyukur ramai juga artis yang masuk dalam kategori ini sepanjang penglibatan saya sebagai wartawan hiburan.

Jadi, bagaimanakah saya kenal Sudirman dan jadi sahabatnya?

Sesungguhnya, saya bukanlah sahabat karib kerana istilah itu terlalu besar rasanya. Saya hanya wartawan hiburan yang ditakdirkan berada di masa dan era yang kena pada tempatnya ketika itu.



Penulis bersama Allahyarham Sudirman Hj Arshad.

Tapi, apa yang wujud di antara kami adalah saling menghormati. Dia seorang anak muda yang dianugerahkan Allah bakat yang besar, yang hampir sempurna sifatnya, tidak meninggi diri, namun sangat yakin dengan apa yang dilakukan untuk mencapai kejayaan. Buat saya, dia seorang legenda.

Bila dia mahu buat sesuatu, dia akan lakukan dengan baik, atau lebih baik daripada yang kita jangkakan. Malah, selalunya pencapaiannya tidak kita jangka sama sekali. Umpama kita mengharapakan 10 tetapi dia memberikan 100! Komitmennya pada kerja seninya sangat besar dan kerana itu saya menghormati dan mengaguminya.

Sejak awal kami mempunyai hubungan yang baik. Saya rasa ia adalah hubungan dua hala, kerana, dia juga sangat menghormati profesion saya sebagai wartawan hiburan, menghargai dan menyenangkan saya sebagai rakan wartawan. Buat saya, dalam apa juga bidang, bukan mudah mendapat kepercayaan seseorang, terutama untuk orang yang punya nama dan pengaruh, baik seniman mahupun orang politik.

Saya meletakkan diri saya sebagai wartawan yang beliau senangi kerana pada setiap peristiwa penting yang berlaku dalam hidupnya, saya berada di situ. Pada setiap sidang akhbar, setiap pelancaran, besar atau kecil, pastinya saya akan hadir untuk membuat liputan. Begitu juga konsert UKM yang mendapat



bantahan besar para pelajar ekstrim, Konsert Chow Kit, majlis persandingan dan juga ketika dia secara rasminya *"called to the bar"*, iaitu secara rasminya melayakkan diri sebagai peguam di mahkamah.

Saya ingat lagi sebelum acara *"called to the bar"* yang diadakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang berdepan dengan Dataran Merdeka dan Kelab Sultan Sulaiman, beberapa minggu sebelumnya, pengurus Mike Bernie Chin, mengingatkan saya supaya tidak lupa tarikh itu.

"Dont forget to be there, its his big day!" kata Mike masa itu.

Tapi *news sense* saya hanya melihat acara itu sebagai nilai berita untuk meja mahkamah, di mana ada wartawan yang kerjanya membuat laporan dan liputan mahkamah. Lalu saya katakan yang saya akan beritahu bos di pejabat agar mereka boleh hantar wartawan mahkamah (*court reporters*) ke acara tersebut.

Tapi Mike, yang memang lantang dan suka berterus terang orangnya, memandang saya seperti tidak percaya apa yang didengarnya. Seakan marah pun ada.

"My dear, you are his friend. Its his big day man. And its a big story, eh, an artiste, a singing lawyer. Its not everyday you have this kind of thing. You tell me if it is normal for Malaysia to have a singing lawyer? "You have been there for him all this while, so dont miss this one!"

Begitulah selalunya Mike. Beliau orang yang menaikkan imej Sudirman dengan baik. Falsafahnya mudah, bakat yang baik, perlu disokong dengan baik, barulah dunia hiburan akan menjadi lebih baik. Beliau selalu mahu orang Malaysia menikmati hiburan yang bermutu, agar Malaysia juga dipandang tinggi di dunia luar.

Beliaulah yang memartabatkan dunia persembahan dengan konsert-konsert mega dan selepas itu lahirlah promoter-promoter seperti Ali Bakar dan Showmasters City Band -mewarnai dunia hiburan dengan menampilkan konsert-konsert yang bermutu dari artis tempatan hinggalah ke artis luar negara.

Ketika itulah Malaysia dapat menikmati konsert-konsert besar artis luar seperti Tom Jones, Engelbert Humperdinck, Sophisticates, Mariah Carey, Diana Ross, Eric Clapton, Paula Abdul dan ramai lagi.

Kerana Malaysia sudah terdedah dengan konsert-konsert besar dari artis antarabangsa, artis Malaysia juga harus setanding dalam persembahan agar tidak terpinggir di negara sendiri. Itu juga yang menyebabkan Mike Bernie



Productions melibatkan diri dalam pengurusan artis dan *show*. Selain Sudirman, artis lain yang di bawah naungan dan kendaliannya adalah Khatijah Ibrahim, Noorkulamasari, Francesca Peters, Ning Baizura, Elaine Kang.

"You want people to pay and come to see your show, you have to be as good as the foreign artistes. Eh, I dont want to pay to see you if you are just an ordinary singer. You have to be at par," itu yang saya ingat kata kata Mike setiap kali berpeluang duduk dengannya, bercakap pasal dunia hiburan Malaysia.

Dengan *bush jacket*, Mike yang berbadan besar inilah yang banyak memberikan semangat dan dukungan kepada Sudirman, menggilap bakat yang sedia ada pada anak Pahang itu untuk menyerlah sebagai penghibur terbaik negara.

Dan seingat saya, dalam setiap sidang akhbar, dia bukan seorang yang sambil lewa dan teragak agak dalam tindakan. Sebaliknya, beliau mempunyai keyakinan diri yang tinggi, teguh dan positif tentang apa yang dilakukan. Setiap soalan wartawan, beliau cepat menjawab dan memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya.

Pendek kata, beliau tahu setiap inci kerjanya dan kerana itulah waktu itu ada yang menggelar Mike sebagai *Don King Of Malaysia* - mengambil sempena nama promoter tinju hebat waktu itu.

Saya juga terhutang budi kepada Mike kerana banyak membantu dan memimpin saya untuk menulis tentang dunia hiburan waktu itu. Beliau sentiasa memberikan idea untuk saya menulis berkaitan hiburan, khasnya dalam menampilkan imej *world class entertainment* di negara ini.

Dia sentiasa berfikir di luar kotak dan kerana itu cadangan-cadangan bernasnya banyak membantu saya dalam penulisan saya, terutama mengenai dunia seni suara, *show* dan apa yang sepatutnya dilakukan oeh kerajaan untuk memajukan industri muzik.

Beliau akan kata, *"I think you should also write about the ...how the government can help...and our tv station should also..."*

Seperti Sudirman, pemikiran Mike sangat jauh ke hadapan. Dan saya menganggap gandingan beliau di awal kemunculan Sudirman itu penting dan besar peranannya. Kekuatan dan keyakinan beliau telah membantu Sudirman dan artis artis lain waktu itu.

Hasil usahanya, artis tempatan dapat beraksi di Paddock, sebuah *supper club* eksklusif di Hotel Hilton Kuala Lumpur yang sebelum itu hanya menampilkan artis luar negara .



Malangnya buku ini tidak dapat merakamkan perkongsian dengannya kerana beliau meninggal dunia pada tahun 2000 ketika berusia 54 tahun. Banyak soalan yang berlegar dalam kepala saya ini, untuk saya tanyakan kepadanya. Tentang mengapa beliau memisahkan diri dari Sudirman dan tentang sosekok-sosekok kurang enak yang saya dengar yang perlukan jawapan.

Tapi, sudah ditakdirkan soalan hanya tinggal soalan. Dan rasanya biarlah ia tinggal begitu saja. Biarlah yang baik baik saja untuk dikenang kerana apapun beliau mengangkat martabat artis dan dunia hiburan pentas pada tempat yang sewajarnya. Dan beliau telah membantu menjenamakan Sudirman sebagai nama besar dalam industri hiburan tanah air.

Namun, perkongsian cerita dari beberapa insan lain yang hadir dalam kehidupan Sudirman sepanjang kerjayanya juga tidak kurang hebatnya. Dan saya berterima kasih kepada mereka kerana sudi berkongsi pengalaman dan cerita untuk dirakam, dihayati dan dikenang bersama.

Kepada mereka saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, semoga apa yang dikongsi serba sedikit dalam buku ini menjadi memori abadi untuk dikenang, diteladani generasi akan datang.

MALAM BINTANG RTM 1976

Seperti mana Pulau Pinang mengingatkan kita pada seniman agung P. Ramlee, begitulah juga Temerloh, Pahang kepada Sudirman, yang lahir dan mendapat pendidikan awalnya di situ.

Anak ketujuh daripada sembilan beradik, kedua orang tuanya bukan calang-calang. Bapanya Haji Arshad bin Haji Hassan adalah ahli perniagaan dan tokoh politik yang tidak asing lagi juga menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Temerloh. Manakala ibunya, Puan Ramah binti Dahlan adalah wanita pertama menjadi wakil rakyat Pahang ketika itu.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Temerloh pada tahun 1961 dan kemudiannya ke Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh dan Sekolah Menengah Abu Bakar, Kuantan sehingga tamat tingkatan 6 sebelum menyambung pelajaran ke Universiti Malaya pada tahun 1976 dan meraih ijazah Sarjana Muda Undang Undang dan Kepujian (LLB Hons) pada tahun 1980 .

Sejak kecil dia bukan saja gemar membaca Al-Quran bahkan telah menampakkan bakat dan minat yang mendalam dalam pelbagai bidang. Dia bukan saja pandai berpidato, bahkan boleh menyanyi, menari, bersajak, bersyair dan melukis.



Ketika masih menuntut di Universiti Malaya, dengan sokongan kawan-kawan, dia telah mencuba nasib menyertai Bintang RTM pada 1976. Bintang RTM yang berprestij ini asalnya dari Bintang Radio bermula seawal tahun 1959 adalah satu-satunya rancangan pencarian bakat yang paling berjaya waktu itu.

Boleh dikatakan kebanyakan nama besar dalam dunia senisuaru ketika itu lahir dari pertandingan Bintang Radio dan Bintang RTM. Antaranya, Jamal Abdillah, Najib Haniff, Rosemaria Abdul Hamid, Ramlah Ram, Muhaini Suratman, September Five, Sharon Pamela Isaac, Lanny Lim Mui Lan dan ramai lagi.

Saya masih di bangku sekolah ketika Sudirman mencipta nama dalam dunia hiburan tanah air. Saya ingat sangat bagaimana saya menjalar baring depan tv hitam putih kami di Kampung Pinang, Masjid Tanah.



Sudirman bersama trofi Juara Bintang RTM 1976.



SUDIRMAN

yang ku kenali

Benar dia budak kampung tapi bukan budak kampung yang takut dan tidak punya keyakinan diri. Bukan budak kampung seperti yang selalu digambarkan dalam filem-filem Melayu.

Saadah Ismail

Pada saya dia bukan buat semua ni kerana wang, sebaliknya dia belanja lebih besar dari yang dia dapat .

Habsah Hassan

Dengan dia tak boleh kata tidak, dia tak suka. Bagi dia semuanya mesti boleh.

Dharanee

Saya banyak belajar darinya...Memang dia satu-satunya artis yang istimewa...ada masa dia manja.

Norisah Sulaiman

Akan datang, untuk kita ada penghibur seperti Sudirman. Dan seorang macam P. Ramlee...payah.

Dr Syed Iskandar

Dia seorang abang yang baik, sangat bertanggungjawab, bertimbang rasa dan tak pernah menyusahkan.

Intan Zabidin

Harga: RM29.00 [Semenanjung]
RM32.00 [Sabah & Sarawak]

ISBN 978-967-15382-4-1



9 789671 538241 >



Khutubkata